



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Serlahkan keindahan agama Islam

HARIAN METRO
8/9/2016 p. 35

Kita sangat bersyukur kerana menjadi orang Islam. Masih ramai mereka yang bukan Islam, bahkan tidak mengenali Islam yang sebenar, seolah-olah agama suci ini begitu asing dengan mereka.

Islam begitu jauh walaupun di depan, belakang, kiri dan kanan mereka adalah orang Islam. Mereka tidak nampak kelebihan Islam. Tiada keistimewaan dalam Islam yang mampu memikat mereka.

Mereka hanya tahu Islam adalah agama untuk orang tertentu sehingga mereka tidak mahu mengambil tahu dan tidak mahu masuk ke dalam sempadan Islam kerana bimbang menjadi kesalahan bagi mereka.

Islam begitu asing kepada mereka, tambahan pula media juga tidak memainkan peranannya. Media sepatutnya memberikan kefahaman Islam kepada seluruh rakyat berbilang bangsa dan kefahaman.

Penerangan demi penerangan mestilah lebih

“
Jika kita ditanya mengenai Islam, gunakanlah bahasa terbaik sebagaimana indahnya Islam untuk menjawabnya”

giat lagi. Yang pastinya program dalam pelbagai bahasa mesti diadakan. Pencerahan dalam bahasa Cina dan India khususnya mesti diperbanyakkan lagi untuk mencapai sasaran.

Program hendaklah disiarkan pada waktu puncak untuk memberikan impak yang besar. Penulisan dalam akhbar juga perlu diusahakan.

Apakah umat Islam kita sekarang dapat menjadi contoh kepada mereka yang bukan Islam?

Sungguh dukacita kita sebagai umat terpilih sekiranya tidak dapat memamerkan contoh terbaik. Akhlak kita tidak seiring dengan ajaran Islam yang secara tidak



INDAHNYA agama Islam seperti kuntuman bunga mawar yang cantik dipandang.

langsung memberikan kesan pemusnahan terhadap kemurnian ajaran Islam.

Ada waktunya mereka keliru dengan perwatakan orang Islam kerana indah rupa daripada khabar atau cakap tak serupa bikin.

Lebih mengecewakan

apabila ada mereka yang cuba bertanyakan Islam, kita lantas menjawab siap dengan pelatnya: “Apa bikin lu mahu sibuk-sibuk mengenai Islam. Lu jagalah agama lu sudahlah!”

Kadang-kadang kita menakutkan mereka: “Lu kena potong dulu tahu,

kalau mahu masuk Islam!” “Lu boleh ke sembahyang lima kali sehari?”

Kata-kata sinis sebegini bukan hanya menakutkan, malah makin menjauahkan orang daripada Islam.

Sifat ‘protect’ (melindungi) atau ‘defend’ (mempertahankan)

melampaui sedemikian menyebabkan orang takut untuk mendekati Islam.

Jika kita ditanya mengenai Islam, gunakanlah bahasa terbaik sebagaimana indahnya Islam untuk menjawabnya.

Pentingnya bercakap dengan lemah lembut dalam dakwah sehingga Allah memerintahkan Nabi Musa dan Nabi Harun AS berkata-kata secara lembut dengan Firaun.

Elakkan daripada bertekak dan menggunakan bahasa kotor. Maafkan mereka sekiranya mereka melakukan kesilapan kerana mereka tidak memahaminya.

Sekiranya kita tanpa jemu memberi penerangan dan kefahaman Islam, mudah-mudahan kita akan hidup dalam keadaan aman dan saling memahami. Semua nampak keindahan Islam walaupun mereka belum Islam.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM